

Troli Dapur Serbaguna untuk Ruang Makan

Nur Hazwani Ibrahim¹ & Ahmad Anwar Safwan Sidek^{1,*}

¹Jabatan Pengurusan Pengeluaran dan Operasi, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2023.04.01.062>

Received 31 March 2023; Accepted 30 April 2023; Available online 01 June 2023

Abstract: This study was conducted to address the problem faced by users when shuttling between the kitchen and dining room. Selecting a suitable method based on needs is crucial for improving the study. Therefore, the objective of this study is to identify the criteria for a suitable multi-purpose kitchen trolley that can be used in the dining room. The identified criteria will be incorporated in the prototype development process. Using a quantitative method, a questionnaire survey was conducted among respondents to obtain the necessary user specifications. This study focuses on users who want a clean and clutter-free dining area without kitchen utensils or equipment on the table. The target users and respondents for this study are the general public, especially the B40 group. The results of the survey will be used in the design process, including the sketching process, idea development, selection of final design, mock-up, and prototype. This study includes the development of a new multi-purpose kitchen trolley design with suitable materials, colors, and costs. Based on the study findings, this research is expected to contribute to solving the limited space issue on dining tables with a unique and attractive kitchen trolley design that combines wood and steel elements.

Keywords: Trolley, Portable, Kitchen, Dining hall

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh pengguna semasa berulang alik dari dapur ke ruang makan. Pemilihan kaedah yang bersesuaian dengan keperluan adalah sangat diperlukan untuk penambahbaikan kajian. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kriteria troli dapur serbaguna yang sesuai digunakan di ruang makan. Kriteria yang telah dikenal pasti akan diserapkan di dalam proses pembangunan prototaip. Menggunakan kaedah kuantitatif iaitu soal selidik hebahan dilakukan kepada responden untuk mendapatkan maklumat spesifikasi yang diperlukan pengguna. Kajian ini tertumpu kepada pengguna yang mahukan ruang makan kelihatan kemas tanpa gangguan peralatan atau perkakas di atas meja. Sasaran pengguna dan responden kajian ini adalah orang awam khususnya golongan B40. Hasil soal selidik yang telah dijalankan akan digunakan dalam proses reka bentuk termasuk proses lakaran, idea, pembangunan idea, pemilihan reka bentuk akhir, mock-up dan prototaip. Kajian ini merangkumi pembangunan reka bentuk troli dapur serbaguna

*Corresponding author: ahmadanwar@uthm.edu.my

baharu dengan bahan, warna dan kos yang sesuai. Berdasarkan dapatan kajian, penyelidikan ini dijangka menyumbang penyelesaian kepada isu ruangan terhad di meja makan dengan hasil troli dapur serbaguna yang direka dengan unsur gabungan kayu dan besi sebagai reka bentuk yang unik dan menarik.

Kata Kunci: Troli, Mudah alih, Dapur, Ruang makan

1. Pengenalan

Kebanyakan jenis produk perabot yang menjimatkan ruang tersedia adalah seperti kerusi lipat dan meja. Perabot yang fleksibel membantu orang yang tinggal di pangsapuri kecil dengan ruang kecil. Perabot yang membolehkan penggunaan fleksibel ruang hendaklah: ketahanan, inklusif, boleh dikonfigurasi semula, tahan lama, dan boleh dinaik taraf (Gómez- Carmona, *et al.*, 2018).

Sejak kebelakangan ini, kebanyakan rumah bersaiz kecil atau sederhana yang dibangunkan memiliki ruang dapur dan ruang tamu yang bersambung (terbuka tanpa ada pengasingan ruang). Ini turut memainkan peranan penting dalam memberi nilai tambah untuk mereka bentuk meja makan yang boleh digunakan pada kedua-dua ruang yang dinyatakan. Dengan menghasilkan perabot pelbagai fungsi, pendekatan ini mampu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pengguna terutamanya mereka yang mempunyai masalah ruang yang terhad (Pena, 2018).

Perabot untuk kegunaan di dapur adalah tidak terhad kepada kerusi mahupun meja sahaja, ia juga merangkumi perabot lain seperti rak, kabinet, dan beberapa perabot yang lain lagi. Set meja makan (kerusi dan meja) merupakan set perabot yang penting untuk sesebuah kediaman. Majoriti kediaman pasti memiliki set meja makan. Yang membezakan meja makan mereka adalah reka bentuk, bahan dan konsep yang digunakan ke atas set meja makan tersebut (Ramli *et al.*, 2018).

Troli adalah meja kecil yang beroda dan digunakan untuk membawa makanan. Justeru itu, lebih banyak ruang atau fleksibiliti boleh dicapai apabila ia digunakan di dapur. Troli mudah alih juga lebih dikenali sebagai troli dapur yang mempunyai ruang penyediaan makanan di bahagian atas manakala pada bahagian bawah terdapat ruang penyimpanan tambahan seperti laci atau rak. Kebanyakan troli dapur mempunyai dua hingga empat roda yang diperbuat daripada aluminium. Tambahan pula troli dapur ini mempunyai ciri-ciri yang ringan dan mudah alih.

Menurut Shubham *et al.* (2018), troli adalah alat pengangkutan kecil yang digunakan untuk memindahkan beban yang ketara dari satu tempat ke tempat yang lain. Dalam kebanyakan industri, troli biasanya digunakan untuk mengangkut produk yang telah siap atau bahan mentah. Jenis troli dapat dibezakan dengan penggunaan yang dipilih dan disokong oleh apa jenis bahan yang membolehkan ia bergerak.

Troli dapur adalah salah satu perabot yang digunakan untuk mengangkut keperluan makanan atau peralatan dari dapur ke ruang makan di dalam rumah. Troli dapur juga mempunyai ruang simpanan tambahan serta mempunyai kelebihan berganda. Selain memberi tempat penyimpanan tambahan untuk kelihatan kemas, troli dapur juga berfungsi untuk meletakkan peralatan dapur atau pinggan mangkuk tertentu, manakala roda membolehkan kita meletakkannya dengan mudah di mana ia tidak mengganggu kita setiap masa. Troli dapur lebih dikenali sebagai meja sampingan (Vazquez, 2013).

Apabila membincangkan tentang “troli dapur” kita sering menganggap dengan serta-merta bahawa perabot ini hanya boleh digunakan untuk dapur. Namun, dengan banyak variasi reka bentuk dan saiz yang ada, perabot pelbagai fungsi juga boleh diletakkan di pelbagai tempat di rumah termasuk bahagian luar seperti di taman atau halaman. Ini kerana ciri roda yang memudahkan menjadi faktor utama dalam pelbagai tempat dalam kediaman (Kania, 2018).

2. Kajian Literatur

2.1 Ruang Makan

Ruang makan adalah ruang di dalam rumah yang digunakan untuk keperluan makan. Selain dihasilkan untuk aktiviti makan dari sarapan pagi hingga ke makan malam, ianya juga adalah ruangan yang paling biasa untuk keluarga berkumpul. Ruang makan adalah ruang yang paling unik, kebiasaannya pengguna menggunakan ruang makan antara 30 hingga 60 minit. Aktiviti makan adalah momen penting apabila semua ahli keluarga berkumpul dan berada di satu ruang rumah. Berbanding aktiviti lain, makan bersama menghadirkan hubungan ukhwah yang jauh lebih bermakna (Uwitan, 2021).

2.2 Sejarah Troli

Troli adalah alat pengangkutan kecil yang digunakan untuk memindahkan beban dari satu tempat ke tempat yang lain. Dalam kebanyakan industri, troli biasanya digunakan untuk mengangkut produk yang telah siap atau bahan mentah. Bagi membezakan jenis troli yang wujud dan jenis yang digunakan biasanya akan dipilih dan disokong oleh apa jenis bahan yang membolehkan ia bergerak (Shubham *et al.*, 2018).

2.3 Jenis-jenis Troli

(a) Troli Alatan

Troli alatan berfungsi untuk mengangkut alatan kerja yang diperlukan oleh para pekerja. Terdiri dari 3 hingga 5 lajur, ia juga membolehkan banyak alatan diisi dalam troli untuk tujuan kekemasan dan mudah dicari. Troli ini kebiasaannya digunakan di bahagian perusahaan kenderaan seperti bengkel kereta ataupun motor kerana memudahkan pekerja untuk membuat kerja selain daripada membuang masa untuk mengambil barang yang jauh.

(b) Troli Belanja

Troli belanja adalah troli umum yang kebiasaannya ditemui di pasaraya atau pusat membeli belah. Troli ini berfungsi untuk mengangkut barang-barang ketika berbelanja. Reka bentuk berongga dan dihasilkan daripada keluli tahan karat. Troli belanja memiliki tempat duduk kecil untuk kanak-kanak yang berumur 1 tahun ke atas, ia akan memudahkan pengguna lebih selesa untuk membeli belah kerana dapat mengurangkan beban ketika berbelanja seketika. Troli belanja juga ada mempunyai saiz berukuran kecil dan dihasilkan daripada bahan campuran plastik. Selain itu, ia memiliki dua roda serta mempunyai tempat pemegang dan ada juga troli belanja yang mudah diangkat dan boleh dilipat. Troli belanja ini hanya digunakan untuk membawa barang belanja dalam kuantiti yang kecil.

(c) Troli Barang

Troli barang berfungsi untuk mengangkut barang-barang yang biasa diperlukan. Troli barang cukup kuat dan kukuh untuk mengangkut pelbagai jenis barang. Sehingga sangat sesuai untuk diperuntukkan untuk mengangkut barang berat dan besar tanpa harus mengeluarkan tenaga yang besar untuk memindahkan barang-barang tersebut. Umumnya fungsi troli barang adalah untuk mengangkut barang, namun berikut adalah beberapa fungsi lain dari troli barang:

- Membawa mesin atau komponen yang diperlukan.
- Membawa bahagian-bahagian mesin.
- Mengangkut alatan dari gudang perusahaan.

(d) Troli Bagasi

Troli Bagasi merupakan troli yang digunakan untuk membawa barang tetamu yang menginap di hotel. Kebiasaannya pekerja hotel akan menggunakan troli ini untuk mengangkut barang para tetamu kerana barang yang dibawa oleh mereka adalah berat dan kadangkala banyak. Seterusnya, penggunaan troli ini mudah dan cepat sehingga sangat membantu orang yang membawa barang. Tidak hanya untuk duia perhotelan malah troli ini juga akan sesuai untuk mereka yang ingin memindahkan barang kedalam pangsapuri, pejabat dan lain-lain. Troli bagasi ini, biasanya menggunakan bahan keluli tahan karat yang mudah digunakan dan mudah untuk dibersihkan jika troli kotor atau berdebu.

(e) Troli Pengemasan

Troli Pengemasan merupakan troli yang berfungsi untuk membawa kelengkapan hotel seperti kelengkapan tamu, kelengkapan kebersihan dan beberapa kelengkapan tambahan. Troli ini terdiri dari beberapa susunan rak, iaitu alatan, kemudahan, alat tulis, rak troli dan roda. Susunan tersebut berdasarkan dari susunan teratas hingga ke bawah. Rak-rak tersebut memiliki fungsi untuk menampung kelengkapan tamu dan kebersihan. Di samping itu, terdapat ruang khas yang berfungsi untuk mengangkut sampah kotor dan kain kotor.

(f) Troli Servis

Troli Servis berfungsi untuk membawa barang-barang yang diperuntukkan kepada tetamu seperti makanan dan minuman. Troli ini umumnya ditemui di beberapa restoran besar, perhotelan, industri, rumah sakit dan penerbangan. Kebanyakannya troli ini adalah bertujuan untuk mengumpul sisa makanan, pinggan mangkuk di restoran dan menghantar makanan mengikut keperluan industri.

(g) Troli Dobi

Troli dobi pula digunakan untuk mengangkut pakaian, kain kotor mahupun bersih kerana troli ini memerlukan bahan yang kuat untuk menampung beban walaupun hanya pakaian. Troli ini juga memiliki bahan yang tebal dan juga warna yang tahan luntur supaya kualiti troli lebih terjamin apabila digunakan.

(h) Troli Janitor

Berfungsi untuk membawa alatan kebersihan yang biasa digunakan oleh mereka yang terlibat dengan servis pembersihan. Dilengkapi dengan empat roda, kedua-dua roda memiliki ukuran yang lebih besar jika dibandingkan dengan dua roda yang lain. Troli ini mempunyai ruang menyimpan yang berfungsi untuk membuang sampah. Troli ini biasa ditemui di pasaraya, syarikat, pejabat serta tempat awam yang memerlukan kerja pembersihan.

(i) Troli Gueridon

Troli Gueridon merupakan troli yang digunakan untuk mempersiapkan makanan di ruang makan. Troli ini biasanya berbentuk segi empat tepat yang memiliki roda dengan menggunakan bahan seperti kayu untuk tahan lasak apabila menghantar makanan. Troli ini juga biasanya ditemukan di restoren-restoren mewah yang menyajikan makanan di hadapan pembeli.

(j) Troli Dapur

Troli dapur adalah sejenis storan serba boleh yang hebat, digunakan lebih daripada sekadar tujuan di dapur. Ia tersedia dalam pelbagai gaya dan saiz yang berbeza dan boleh bergerak dari bilik ke bilik apabila diperlukan atau disimpan apabila tidak digunakan. Selain menambah ruang penyimpanan, troli dapur boleh menambah ruang permukaan yang berharga untuk menyediakan makanan, makan atau tugas lain (Vazquez, 2013).

3. Metodologi Kajian

3.1 Tinjauan Soal Selidik

Soal selidik telah dibangunkan menggunakan Borang Google. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Kriteria Reka Bentuk Troli Dapur Serbaguna untuk Ruang Makan). Bagi bahagian A, demografi responden dikumpul untuk mengenal pasti maklumat peribadi responden secara umum. Bagi bahagian B, adalah untuk mengetahui pendapat responden tentang kriteria reka bentuk yang perlu ada pada troli dapur serbaguna untuk ruang makan. Seterusnya borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam terutamanya kepada golongan B40. Seramai 60 orang responden telah mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Daripada soal selidik, kriteria reka bentuk troli dapur serbaguna untuk ruang makan boleh dikenal pasti mengikut pilihan responden.

3.2 Lakaran Kecil dan Idea

Lakaran kecil disediakan secara rawak merujuk kriteria reka bentuk yang diperolehi daripada soal selidik. Lakaran ini dibuat untuk mendapatkan idea baharu dan reka bentuk yang berpotensi untuk pembangunan reka bentuk selanjutnya bagi troli dapur serbaguna untuk ruang makan. Terdapat 38 lakaran kecil dilakar secara rawak dalam paparan 3D. Proses membuat lakaran kecil menggunakan pensel, kertas A3, pemadam dan pembaris

Setelah lakaran kecil, lakaran idea telah dihasilkan berdasarkan gabungan sepuluh lakaran kecil. Lakaran yang dibangunkan merangkumi kriteria reka bentuk melalui soal selidik dan beberapa idea adalah daripada kajian tentang bahan Troli dapur serbaguna untuk ruang makan. Lakaran ditunjukkan dalam paparan 3D dan juga fungsinya. Pen, pemadam dan kertas A3 digunakan dalam proses lakaran idea.

3.3 Pembangunan Idea

Lakaran perkembangan idea ini dilakukan setelah menjalankan fasa idea. Lakaran pembangunan idea merupakan lakaran yang menunjukkan proses penghasilan idea yang telah diubah menunjukkan idea baru. Lakaran pembanguna idea yang dihasilkan adalah empat lakaran dan daripadan lakaran tersebut akan dipilih. Lakaran pembangunan reka bentuk pula membantu untuk menjelaskan kriteria reka bentuk troli serbaguna bagi memenuhi kehendak responden.

3.4 Reka Bentuk Akhir

Setelah menjalankan proses perkembangan idea, satu lakaran yang terbaik telah dipilih mengikut spesifikasi yang penting dalam kriteria responden. Pemilihan lakaran yang telah dipilih akan dijadikan sebagai lakaran akhir untuk protoip yang akan dihasilkan.

3.5 Miniatur

Miniatur ialah model produk yang dibuat dalam saiz kecil. Pada peringkat ini, nisbah dimensi mockup ialah 1: 5 daripada dimensi produk sebenar. Tambahan pula, ia boleh membantu menerangkan produk akhir termasuk fungsinya juga. Dalam proses ini, pelbagai bahan boleh digunakan seperti mounting board, kayu, pembaris besi, pensel, pen, gunting, pemadam, pisau pemotong, gam super, gam UHU.

3.6 Prototaip

Prototaip ialah model akhir produk bersaiz sebenar. Prototaip itu diperbuat daripada bahan sebenar seperti kayu, besi dan perspek. Reka bentuk dan bahan untuk prototaip adalah berdasarkan kriteria reka bentuk daripada hasil soal selidik. Prototaip ini pastinya akan berfungsi mengikut objektif kajian iaitu

memberi kesedaran tentang keperluan menggunakan troli dapur di rumah serta memberi didikan tentang pengurusan kekemasan.

4. Keputusan dan Perbincangan

4.1 Soal Selidik

Hasil tinjauan yang dijalankan secara dalam talian menggunakan “Google Form” diringkaskan dalam bentuk jadual. Seramai 61 orang telah menjawab soal selidik. Menurut tinjauan, responden lebih suka troli dapur yang mempunyai tempat letak perkakas dapur,botol air dan juga kutleri. Responden memilih konsep moden untuk troli dapur serbaguna untuk ruang makan sebagai kriteria reka bentuk. Kriteria ini akan digunakan untuk memilih reka bentuk akhir.


Jadual 1: Analisis data soal selidik

| Soalan | Peratusan (%) | Penerangan |
|---|---------------|--|
| Menggunakan “troli dapur” di rumah? | 64.3% | |
| Berminat mendapatkan "Troli dapur" serbaguna di rumah anda? | 74.1% | |
| Fungsi troli | 91.4% | Meletakkan Barang |
| | 88.6% | Menyimpan Barang |
| Item yang akan diletakkan di troli | 80.0% | Botol Sos/Kicap |
| | 48.6% | Tisu/Kain |
| | 65.7% | Bahan Masakan |
| | 48.6% | Roti/Biskut/Makanan Ringan |
| | 31.4% | Botol Air |
| | 22.9% | Ubat-Ubatan |
| Ciri troli yang diperlukan | 82.9% | Ruang Penyimpanan |
| | 65.7% | Ringan |
| | 82.9% | Beroda |
| Bentuk troli pilihan | 74.3% | Segi Empat Tepat |
| Warna troli | 60.0% | Warna Gelap |
| Saiz | 80.0% | Sederhana |
| Nilai harga troli yang akan dibeli | 60.0% | RM0 – RM199 |
| Konsep | 68.6% | Ringkas |
| Cadangan | - | <ul style="list-style-type: none"> • Meletakkan Buah • Struktur Teguh & Tahan Lasak • Serbaguna |


4.2 Lakaran Kecil dan Idea

Lakaran kecil dilakar dalam paparan 3D seperti dalam Rajah 1. Lakaran kecil ini dilakarkan untuk mendapatkan idea awal untuk troli dapur serbaguna untuk ruang makan.

Manakala, idea dilakar berdasarkan kriteria reka bentuk yang diperolehi daripada soal selidik (Rajah 2). Kriteria reka bentuk yang terkandung dalam idea-idea ini adalah bentuk segi empat tepat yang mempunyai tempat letak botol,tempat letak kutleri,tisu dan mempunyai ruang penyimpanan.




Rajah 1: Lakaran kecil



Rajah 2: Idea 10

4.3 Pembangunan Idea

Idea dilakarkan berdasarkan kriteria reka bentuk yang diperolehi daripada soal selidik. Kriteria reka bentuk yang terkandung dalam idea-idea ini adalah bentuk segi empat tepat yang mempunyai tempat letak botol, tempat letak kutleri, tisu dan mempunyai ruang penyimpanan.



Rajah 3: Pembangunan idea 2

4.4 Reka Bentuk Akhir

Tinjauan reka bentuk adalah soal selidik yang diedarkan kepada pengendali makanan yang terdiri daripada orang awam terutama kepada golongan B40. Soal selidik ini dijalankan menggunakan *Google Form*. Soal selidik ini memerlukan pengguna sasaran untuk memilih reka bentuk akhir daripada tiga pembangunan idea yang dipilih untuk dibandingkan. Rajah 4 menunjukkan reka bentuk 1, 2 dan 3.




Rajah 4: Tinjauan reka bentuk akhir

Jadual 2 menunjukkan perbandingan di antara rekabentuk 1,2 dan 3 tentang ‘Pemilihan Rekabentuk Troli Dapur Serbaguna untuk Ruang Makan’. Di sini kita dapat lihat bahawa kebanyakan responden memilih reka bentuk 2 sebagai pilihan untuk troli ini dengan jumlah responden sebanyak 30 orang iaitu 63.33%. Mereka juga berminat dengan reka bentuk ini kerana mempunyai unsur-unsur futuristic.

Jadual 2: Pemilihan reka bentuk akhir

| Tinjauan Reka Bentuk | Peratusan (%) | Penerangan |
|----------------------------|---------------|------------------|
| Reka bentuk 2 | 63.3% | |
| Berpuas hati dengan rekaan | 85.2% | |
| Warna gelap | 77.0% | Mewah dan elegan |


Bagi lakaran akhir troli dapur serbaguna untuk ruang makan adalah dengan mengubah tempat letak botol air, botol sos/kicap, kutleri dan tisu di bahagian atas. Kemudian, pada bahagian tengah mempunyai para untuk meletakkan barang kering dan juga bahagian terakhir mempunyai dulang tambahan untuk barang basah.



Rajah 5: Reka bentuk akhir

4.5 Miniatur

Miniatur adalah proses gambaran troli dapur serbaguna sebelum penghasilan prototaip. Mock up yang dihasilkan menggunakan nisbah 1:5 dengan menggunakan bahan plywood, kayu balsa, gam super, spray cat dan kertas jernih untuk menampakkan gambaran miniatur kelihatan lebih menarik.



Rajah 6: Miniatur

4.6 Prototaip

Prototaip adalah gambaran sebenar troli dapur serbaguna yang dihasilkan. Size troli dapur serbaguna ini berukuran 830mm x 400mm x 350mm. Prototaip ini dihasilkan dengan menggunakan bahan seperti kayu pine, besi dan juga perspek. Rajah di bawah adalah protaip yang telah dihasilkan mengikut kehendak pasaran.



Rajah 7: Prototaip troli dapur serbaguna

5. Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pembangunan reka bentuk troli dapur serbaguna untuk ruang makan menggunakan pakai persepsi pengguna ke atas kriteria yang dapat diadaptasikan ke atas pembangunan reka bentuk troli. Dapatan penyelidikan, menyampaikan persepsi responden dalam mewujudkan satu idea baharu secara terperinci dalam pembangunan reka bentuk konsep troli dapur serbaguna yang lebih baik melalui persepsi pengguna di Malaysia.

Kajian ini juga, menghasilkan lakaran idea reka bentuk baharu untuk diadaptasikan ke dalam proses pembangunan reka bentuk konsep troli serbaguna. Berdasarkan maklumbalas keseluruhan responden yang diperolehi, reka bentuk troli serbaguna sangat penting kepada keselesaan fizikal pengguna. Walau bagaimanapun, penambahbaikan penyelidikan susulan yang lebih terperinci perlu dijalankan supaya ianya dapat diperbaiki seterusnya dijadikan sebagai sumber rujukan yang berguna kepada penyelidikan masa depan.

Rujukan

- Gómez-Carmona, O., Casado-Mansilla, D., & López-de-Ipiña, D. (2018, November). Multifunctional interactive furniture for smart cities. *Proceedings*, 2(19), 1212.
- Kania. (2018). *7 Keuntungan Memiliki Rak Dan Troli dapur serta tips memilihnya*. Dekoruma - Jual Furnitur Terbaik. Retrieved from <https://www.dekoruma.com>
- Pena, A. (2018). *13 smart multipurpose furniture finds for your small space*. HuffPost. Retrieved January 2023, from <https://www.huffpost.com>
- Ramli, N.A.M., Selimin, M.A., Ab Hamid, A.A.A., Bon, A.T., Rahim, W.N., & Halip, J.A. (2018). *Conceptual design of modern minimalist dining table inspired by British military uniform*. Proc. of the Int. Conf. on Industrial Eng. and Operations Management, Bandung, Indonesia.
- Uwitan. (2021, September 18). *Ruang Makan Yang Nyaman Untuk Momen Bersama Keluarga*. Uwitan. Retrieved April 1, 2023, from <https://uwitan.id/ruang-makan/>
- Vazquez, M. (2013, December 8). *Troli Dapur Atau Pelayan Yang Praktikal Dan Selesa*. Decoora. Retrieved April 1, 2023, from <https://www.decoora.com>